

# Cagamas selesai jualan CMTNS

KUALA LUMPUR 17  
Sept. - Cagamas Bhd.,  
Perbadanan Gadai Janji  
Nasional, berjaya  
menyelesaikan jualan  
RM235 juta nota-nota  
jangka sederhana  
konvensional (CMTN).

Dalam satu  
kenyataan hari ini,  
Cagamas berkata,  
keuntungan daripada  
terbitan itu akan  
digunakan untuk  
membeli pembiayaan  
konvensional daripada  
sistem kewangan.

Presiden/Ketua  
Pegawai Eksekutifnya,  
Chung Chee Leong,  
berkata CMTN akan  
diterbitkan bagi tempoh  
satu, dua dan tiga  
tahun, pada harga  
kompetitif. - BERNAMA